

19/12/1998

Pemaju ingkar disenarai hitam

Minarni Mat Saad

KLANG, Jumaat - Pemaju yang terbabit dalam Kempen Pemilikan Rumah akan disenaraihitamkan jika didapati melanggar syarat kempen yang ditetapkan kerajaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, berkata pemaju terbabit tidak sepatutnya mengambil kesempatan berikutan keghairahan pembeli untuk membeli rumah pada harga murah.

Beliau berkata, dalam Kempen Pemilikan Rumah yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 12 Disember lalu, pelbagai syarat dan kelonggaran diberikan kerajaan dalam usaha memulihkan semula pertumbuhan sektor hartanah yang terjejas berikutan kegawatan.

Sehubungan itu, katanya, pemaju yang mengambil bahagian dalam kempen itu mesti mematuhi dan menawarkan projek perumahan mengikut syarat ditetapkan walaupun penjualan itu tidak membawa pulangan yang tinggi kepada mereka.

"Pada peringkat kementerian, kita sedang mengawasi pemaju terbabit dengan kempen ini dan mereka hanya boleh menawarkan rumah yang sudah siap atau dalam pembinaan bukan projek masih belum berjalan.

"Pembeli yang mempunyai masalah dengan pemaju boleh membuat aduan kepada kementerian dan jika didapati pemaju terbabit tidak mematuhi syarat kempen, ia akan disenaraihitamkan," katanya selepas melancarkan jualan Kondominium Fasa 2B Bandar Baru Klang, di sini, hari ini.

Azmi juga meminta pemaju mengedarkan garis panduan penjualan kepada bakal pembeli bagi membolehkan mereka mengetahui mengenai projek hartanah yang ingin dimiliki.

Beliau berkata, antara garis panduan yang perlu diketahui pembeli adalah undang-undang pemaju perumahan, tanggungjawab dan hak pemaju di samping status tanah di mana pembeli bukan sekadar melihat model tetapi kedudukan dan jenis suasana yang wujud selepas bangunan didirikan.

Menurutnya, pemaju juga perlu memaklumkan mengenai aspek kewangan, pengalaman dan keupayaan mereka kerana pembeli membeli rumah berdasarkan keyakinan mereka terhadap keupayaan pemaju.

"Pembeli tidak sepatutnya membayar satu sen pun kepada pemaju selagi mereka belum menandatangani perjanjian jual beli bagi mengelakkan timbul masalah jika pemaju terbabit tidak dapat menanggungkan projek," katanya.

Mengenai rungutan pembeli yang kecewa selepas membeli rumah pada harga tinggi tetapi harganya turun hampir RM20,000 apabila pemaju menyertai kempen berkenaan, Azmi meminta pemaju menimbang keadaan itu dan memberikan insentif sewajarnya kepada pembeli.

"Dalam keadaan begini pembeli boleh merayu kepada pemaju supaya bertimbang rasa dan memikirkan insentif khas buat pembeli terbabit," katanya.

Terdahulu, ketika melancarkan unit jualan Kondominium Fasa 2B itu, Azmi berkata, pemaju terutama yang mendirikan rumah pangsa dan pangsapuri perlu memikirkan kebajikan pembeli selepas rumah siap.

"Mereka tidak sepatutnya memikirkan rumah berkenaan sebelum dan semasa siap untuk dijual tetapi kualiti perkhidmatan selepas itu, terutama dari aspek pengurusan bangunan agar penghuni dapat menikmati suasana penghidupan yang benar-benar selesa," katanya.

(END)